

Hari Bersama Pelanggan

Pada 14 Januari 2020 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching telah menganjurkan Hari Bersama Pelanggan. Hari Bersama Pelanggan menawarkan pelbagai program seperti senam aerobik, penanaman pokok, acara memancing, pameran dan banyak lagi bagi pengunjung yang datang. Selain itu juga, sudut baru yang diberi nama Beatspace turut dirasmikan pada hari tersebut oleh YBhg Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo. Sudut ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada pengunjung serta anak-anak muda menunjukkan bakat secara tidak langsung dalam musik.



Perasmian sudut Beatspace oleh
YBhg Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo



Sesi aerobik yang diketuai oleh Encik Busman Noor



YBhg Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo menurunkan tandangan beliau di atas sebuah lukisan hasil tangan salah seorang artis tempatan.



Ucapan perasmian oleh
YBhg Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo



Program penanaman pokok diteruskan dalam keadaan hujan



Acara pertandingan memancing

Hari Bersama Pelanggan

Pustaka Negeri Sarawak, Kuching sekali lagi menganjurkan Hari Bersama Pelanggan pada 29 Februari 2020. Penganjuran yang kedua dalam tahun 2020 itu mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan tambahan beberapa program dari penganjuran sebelum ini iaitu ceramah komuniti serta pameran daripada Polis DiRaja Malaysia. Selain itu, mini konsert, bengkel menjahit dan program menderma darah turut diadakan.



ASP Syed Muzaffar bin Syed Anuar menyampaikan ceramah komuniti yang bertajuk 'Ancaman Keganasan Semasa'



Antara pelanggan yang bermurah hati mendermakan darah dalam Program Menderma Darah pada hari tersebut



Pengunjung turut di pamerkan dengan pameran-pameran bahan yang menarik



Antara peserta bengkel jahitan yang gigih mempelajari beberapa teknik-teknik menjahit



Antara pengunjung cilik yang tidak melepaskan peluang untuk mengemukakan beberapa soalan untuk pengetahuan mereka



Persembahan mini konsert dari kumpulan Sonar Instinct



BENGKEL LUKISAN SENI TAMPAK DAN AKTIVITI MELUKIS MENGGUNAKAN PEN DAN PENSEL



Pustaka Negeri Sarawak, Kuching telah mengadakan Bengkel Lukisan bertajuk Seni Tampak dan Aktiviti Melukis Menggunakan Pen Dan Pensel pada 9 Februari 2020, bertempat di Bilik Konferen 2. Bengkel ini telah disertai oleh 9 orang yang terdiri dari 8 orang kanak-kanak dan seorang dewasa.

Bengkel ini diadakan untuk mempertingkatkan pengetahuan asas kepada seni tampak. Ia juga bertujuan untuk memupuk minat peserta dalam bidang seni.

PENGENALAN TENTANG PRINSIP SENI DAN AKTIVITI MELUKIS LUKISAN KASAR DAN HALUS

Pustaka Negeri Sarawak, Kuching sekali lagi dengan kerjasama Encik Ashari bin Hamdan mengadakan bengkel Lukisan bertajuk Pengenalan Seni dan Aktiviti Melukis Lukisan Kasar Dan Halus pada 9 Februari 2020, bertempat di Bilik Konferen 1, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching.

Seramai 5 orang peserta yang terdiri daripada 2 orang kanak-kanak dan 3 orang dewasa.





BENGKEL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Pada 15 Februari 2020, Bengkel Pembelajaran Abad Ke-21 Sekolah Menengah Kebangsaan Matang Hilir yang bertempat di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak telah diadakan penuh jayanya dengan kerjasama pihak Pustaka Negeri Sarawak.

Seramai 88 orang guru dan AKP SMK Matang Hilir telah menghadiri program ini.



CERAMAH INFLUENZA & CORONAVIRUS ANCAMAN KESIHATAN GLOBAL

**INFLUENZA &
CORONAVIRUS:
ANCAMAN KESIHATAN
GLOBAL**

DR. FLORA RITI ANAK LUNGAH

**PEGAWAI PERUBATAN
PEJABAT KESIHATAN
BAHAGIAN KUCHING**

Selasa, 18 Februari 2020
9:00 Pagi - 11:00 Pagi
Auditorium , Pustaka Negeri Sarawak



Ceramah Influenza dan Coronavirus: Ancaman Kesihatan Global oleh Dr. Flora Riti Anak Lungah telah diadakan di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching pada 18 Februari 2020.

Ceramah ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai gejala awal Influenza dan Coronavirus bagi membantu orang ramai mengelakkan daripada terus dijangkiti.



CERAMAH SARAWAKIANA: HISTORY OF SARAWAK BEFORE 1840

Pada 21 Februari 2020, Ceramah Sarawakiana bertajuk History of Sarawak Before 1840 telah disampaikan oleh Encik Tom McLaughlin (Pengarang bersama "All of The Malay Archipelago") yang bertempat di Bilik Khas, Tingkat 1, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching.

Objektif ceramah ini diadakan adalah untuk menceritakan secara terperinci pembentukan Kuching; Lidah Tanah; serta perang antara Brunei dan Sarawak dan memberi kesedaran tentang penyatuan kaum dalam pembentukan Sarawak.

PROGRAM AKSES KEPADA PANGKALAN DATA



Seramai 16 orang pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah menyertai Program Akses kepada Pangkalan Data pada 17 Februari 2020.

Program ini merupakan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak yang bertujuan untuk mempromosikan pangkalan data di Pustaka Negeri Sarawak dan U-pustaka sebagai bahan rujukan untuk pembelajaran di sekolah serta memberi taklimat cara penggunaan pangkalan data tersebut.



MINI CONCERT FAREWELL ANGELINA

Farewell Angelina is an all-female country group and a band of longtime friends (Nicole Witt, Andrea Young, Lisa Torres & Ashley) with four powerhouse vocalists, dynamic songwriters, and accomplished multi-instrumentalists. Their stellar blend of heart-stopping harmonies over blazing double violins and guitars has earned soaring praise across the board.

In February 19, 2020, The Farewell Angelina brightened a day with their Mini Concert Performance at Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching.





All-together Reading Campaign: Read Me a Book



On 15th January to 15th February 2020, Pustaka Negeri Sarawak is participating in the Yellow Apron Hashtag Challenge as part of this campaign, by sharing photos and video clips of storytelling via Instagram @yellowapron_nlbsg.

The All-together Reading Campaign: Read Me a Book is collaboration between the Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) and Republic of Korea libraries. It aims to emphasize the importance of reading aloud with children to develop their creativity and language abilities.

What does the yellow apron symbolise?

Yellow evokes brightness and happiness, giving children favourable memories about reading. We hope that children will come to associate the yellow apron with reading aloud, thereby helping to develop the ASEAN-ROK reading culture.





Conservation of the SARAWAK Photo Album

Sarawakiana Collection by Alex Teoh – Paper & Book Conservator

Pustaka Negeri Sarawak (PUSTAKA) is responsible for preserving and providing access to public records and archives under the Sarawak State Library Ordinance, 1999, Part IV, Section 14 (1) (a), which is, to provide for the preservation and use of library resources or material published in Sarawak.

Preservation of public records and archives are done to ensure they remain accessible and usable. The paper-based document will deteriorate over time, but the lifespan of records can be prolonged, provided they are managed and properly preserved throughout their lifecycle. Hence, one of the initiatives taken by State Records Repository (SRR) is to do conservation works for damaged and rare collections requiring preservation.

Mr Alex Teoh's expertise was sought to assist and provide in-house training for the conservation works in PUSTAKA. He is a conservator providing restoration works for rare books and old documents. His expertise is focused on paper and books.

Among the extensive volumes of resources in the Sarawakiana collection that stands out and was chosen by Mr. Alex to restore was this Sarawak Photo Album.

It is an original black and white photo album from the early twentieth century, entitled SARAWAK and published by Valentine's Photographic Department in Harpenden, Hertfordshire, England. The album exhibits photographs by Rajah's officers, Charles Hose and Robert Shelford.

The Condition of the Photo Album

The album is a half leather and textile cover folio with 24 card album leaves. On the inside covers, it has a label of the publisher (but the label of the photographer is missing). On both sides of the album leaves, the photos and printed caption are adhered. The photo appears to be platinum prints on thin paper and is still in stable condition. Platinum prints are made using a monochrome printing process involving platinum and are most durable but costly.



Picture 1: Torn leather cover hinge.

The structure of the photo album is guarded leaf structure with stiff board leaves. Due to the age and usage over years, the leather spine and cover hinge is torn. The textile covers are stained especially along the edges.



Picture 2: Torn and detached album boards.

The album block consisting of thick stiff board suffers from torn cloth hinge, resulting in majority of the album leaves to be detached. The album block is gilt along the edges but is slight warped. As the album leaves are made of processed material, the leaves suffer from tears and damage especially at corners and edges.

The Conservation Treatment for the Photo Album



Picture 3: Surface cleaning process.

The album is given a light surface cleaning with the leather spine consolidated with conservation grade leather consolidant, to hold and stabilized the leather surface. The section of textile of the cover is also cleaned with paste, to reduce the stains along the edges. To address the tear and weakness on cover, the eather spine and hinge is repaired with toned Japanese tissue.



Picture 4: Resewing process

On the album block, the individual leaves are stripped, cleaned and repaired with silk backed on paper. Care is taken not to cause the album block to be enlarge for the depth of the existing leather cover. The damaged leaf corners are infilled and wrap with matching colour tissue paper. The album leaves are then ensembled and sewn to similar sewing structure and cord support. The original head and tail bands are reattached.



Before



After

Picture 5: Repair of board corners

After strengthening the album block, the album is then re-backed into the existing leather covers. The album covers are sleeved with archival sleeve for protection. With the loose album leaves reattached and covers strengthen, the SARAWAK photo album is now ready for research, exhibition and safe storage in a clean and stable environment in the Sarawakiana Collection.

In conclusion, Pustaka would like to collaborate with local and international conservators as well as volunteers through community engagement programs or Friends of Archives in its restoration and documentation works for public access showcasing the State's rich Heritage.



CERAMAH KESIHATAN KOMUNITI INFLUENZA: APA YANG ANDA PERLU TAHU?

Ceramah Kesihatan

INFLUENZA Apa Yang Anda Perlu Tahu?

K H A M I S
30 Januari 2020
2:30 PETANG - 4:30 PETANG
AUDITORIUM
PUSTAKA NEGERI SARAWAK, MIRI

Dr. Ingrid Ting Pao Lin

Pegawai Perubatan,
Jabatan Perubatan, Hospital Miri

Objektif

- Untuk meningkatkan kesedaran masyarakat.
- Meningkatkan pemahaman kepada setiap masyarakat.
- Masyarakat dapat mengetahui langkah-langkah pencegahan.
- Mendapatkan pengetahuan mengenai maklumat tentang influenza yang sedang menular.

Pendaftaran PERCUMA.
Semua dijemput hadir.



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :
Cik Jamilah Jali En Mohd Norarif
085-422 525 085-422 525
jamilahj@sarawak.gov.my mhd.arif151@gmail.com.my
pustaka.sarawak pustakaswk www.pustaka-sarawak.com

MIRI – Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan Hospital Miri telah bekerjasama dalam menganjurkan ceramah kesihatan komuniti mengenai isu-isu Influenza, yang dikenali sebagai "selesema", yang merupakan sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus influenza. Gejala boleh dari peringkat ringan hingga teruk. Simptom yang paling biasa termasuk: demam panas, hidung berair, sakit tekak, sakit otot dan sendi, sakit kepala, batuk, dan keletihan.

Ceramah ini telah disasarkan kepada semua lapisan masyarakat Miri dari semua peringkat umur dan jantina. Seramai hampir 200 orang telah menghadiri ceramah tersebut. Ia telah diadakan di Auditorium Pustaka pada hari Khamis, 30 Januari 2020 dari jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Ceramah telah disampaikan oleh Dr. Ingrid Ting Pao Lin, seorang pegawai perubatan dari Hospital Miri. Objektif-objektif yang hendak dicapai sewaktu program tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai penyakit ini, meningkatkan pemahaman kepada setiap masyarakat, mengetahui langkah-langkah pencegahan serta mendapatkan pengetahuan mengenai maklumat tentang influenza yang sedang menular. Penyertaan untuk program tersebut adalah percuma dan pendaftaran sebagai ahli Pustaka juga telah diterima di kaunter perkhidmatan Pustaka.

Pameran Hobbies, Collection & Arts 5.0 kembali lagi bulan depan



MIRI – Pustaka Negeri Sarawak, Miri telah mengadakan Pameran Hobbies, Collection & Arts yang ke-lima pada 22 dan 23 Februari 2020. Pameran tersebut bertujuan untuk memupuk kemahiran berfikir dan kreativiti di kalangan generasi muda dengan menunjukkan cara mengekalkan hobi seperti mengumpul koleksi barang, permainan atau belajar kemahiran yang baru. Pameran telah dibuka kepada orang ramai, terutamanya bagi peminat alat mainan kerana alat mainan ini akan dijadikan fokus utama pameran ini di mana alat mainan seperti Gundam Mini, Transformer Robots, Warhammer, Star Wars, Hot Wheels dan lain-lain akan dipamerkan di lobi tingkat bawah Pustaka. Pameran itu juga telah menggalakkan interaksi antara para peserta pameran serta orang ramai dengan pertukaran ilmu pengetahuan mengenai bidang tersebut jika mereka ingin memupuk hobi unik ini. Program tersebut telah dirasmikan oleh YB Hajah Rosey Haji Yunus, Menteri Muda Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak pada 22 Februari 2020 dan sekitar 3,000 orang telah menghadiri pameran tersebut.



KEM MOTIVASI UPSR 2020: TEKNIK BELAJAR BERKESAN



Ceramah Motivasi UPSR 2020

TEKNIK BELAJAR BERKESAN

CIKGU NOOR SYAZANA BINTI TAIB

PENYERTAAN
ADALAH
PERCUMA

Guru, SK Rumah Barat
Eduflencer/Penulis Buku Teks Sejarah Tahun 4
Top 100 Guru Pak 21
CikgoTube KPM

Objektif:
Berkongsi tip-tip pembelajaran kepada murid-murid yang lemah bagi meningkatkan keyakinan bahawa mereka juga boleh berjaya dalam UPSR

RABU, 4 MAC 2020

2:30 ptg - 4:30 ptg

**AUDITORIUM, NEGERI
PUSTAKA SARAWAK
MIRI**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :
Puan Norayah Binti Adenan ☎ 085-422525 📩 norayaha@sarawak.gov.my



MIRI – Bersempena dengan persediaan bagi peperiksaan UPSR, Pustaka telah menganjurkan ceramah 2 jam dari 2.30 petang hingga 4.30 petang yang telah diadakan pada 4 Mac 2020 untuk pelajar-pelajar darjah 6 di Pustaka di mana mereka akan didedahkan dan diajar mengenai teknik-teknik pembelajaran yang berkesan bagi persiapan untuk peperiksaan UPSR yang akan datang pada tahun ini.

Ceramah motivasi UPSR tersebut telah memberi tip-tip mengenai cara pembelajaran yang berkesan seperti kaedah atau konsep pembelajaran yang efektif, cara-cara membuat nota singkat yang tepat dan padat untuk digunakan sewaktu mengulangkaji pelajaran, menambah dan menanam minat untuk belajar dengan cara yang lebih menyeronokkan dan menyenangkan serta memperbaiki cara mengulangkaji semula mata pelajaran sekolah agar lebih berkesan.

Ceramah motivasi UPSR itu telah dibuka kepada semua pelajar darjah enam dan ia merupakan salah satu program tahunan yang telah dijadualkan bagi membantu persiapan peperiksaan UPSR di sekolah. Sesi tersebut telah disampaikan oleh fasilitator yang amat berpengalaman dan beliau adalah Cikgu Noor Syazana binti Taib dari SK Rumah Barat. Beliau merupakan seorang

penulis, motivator dan telah menghasilkan beberapa buku teks pendidikan untuk para pelajar. Sekitar 200 pelajar telah menghadiri program tersebut bersama cikgu masing-masing.

HARI BERSAMA PELANGGAN

PUSTAKA NEGERI SARAWAK SIBU

Sibu - Pada 17 dan 18 Januari 2020 lepas telah diadakan Hari Bersama Pelanggan anjuran Pustaka Negeri Sarawak Sibu bertempat di Lobi UTC Sibu.

Program yang diadakan selama dua (2) hari ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dari segala lapisan masyarakat Sibu yang mengunjungi UTC. Seramai 353 orang pengunjung telah mengunjungi booth pameran dan perkhidmatan yang disediakan dan seramai 240 pengunjung telahpun mendaftar menjadi ahli baharu Pustaka Negeri Sarawak, Sibu.

Pelbagai aktiviti menarik dan perkhidmatan diadakan sepanjang dua (2) hari program diadakan iaitu; Promosi Keahlian Baharu, Promosi Fasiliti, Aktiviti STEM, Book Selection, Promosi Perkhidmatan Unit Sarawakiana, Kuiz, Book Club, Reading Seeds, dan banyak lagi.



Gambar 1 : Pegawai dan kakitangan yang bertugas sempena Hari Bersama Pelanggan Pustaka Negeri Sarawak Sibu

Hari Bersama Pelanggan Pustaka Negeri Sarawak Sibu ini julung kali diadakan di Sibu bertujuan mempromosikan perkhidmatan yang bakal disediakan kepada masyarakat Sibu apabila memulakan operasi setelah bangunan siap dan sempurna pada pertengahan tahun ini. Antara perkhidmatan yang bakal ditawarkan di Pustaka Sibu kelak adalah; Peminjaman buku dengan pelbagai koleksi menarik, ruang belajar yang selesa, serta perkhidmatan sewaan fasiliti bagi tujuan ilmiah.



Gambar 2 : Pegawai memberi keterangan berkenaan program Book Club



Gambar 3 : Pembentangan buku oleh pengunjung cilik



Gambar 4 : Pegawai menerangkan mengenai perkhidmatan makerspace



Gambar 5 : Aktiviti STEM bersama pengunjung



Gambar 6 : Pendaftaran Keahlian Baharu



Gambar 7 : Pengunjung yang datang pada dua (2) hari program diadakan

**CERAMAH KOMUNITI :****CORONAVIRUS COVID-19**

Pustaka Negeri Sarawak,Sibu - Ceramah komuniti merupakan salah satu program anjuran Pustaka Negeri Sarawak yang juga merupakan platform perkongsian maklumat untuk masyarakat yang mana isu-isu yang diketengahkan adalah berdasarkan isu semasa dan juga topik-topik yang memberi info bagi melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan.

Ceramah yang telah diadakan pada 28 Februari 2020 ini bertajuk Coronavirus Covid-19 berikutan ancaman wabak tersebut yang merebak baru-baru ini. Ceramah ini diadakan bertujuan untuk memberi maklumat dan informasi serta isu-isu semasa yang berkaitan kepada masyarakat; berkongsi maklumat penting tentang bahaya Coronavirus (Covid-19) serta langkah-langkah pencegahan dan pemulihan. Seramai 114 peserta telah menyertai ceramah komuniti ini dan mereka juga telah mendaftar sebagai ahli baru Pustaka Negeri Sarawak, Sibu. Disamping itu, pameran berkaitan Covid-19 juga turut diadakan.



Gambar 1 : Peserta yang menghadiri ceramah komuniti



Gambar 2 : Penceramah: Dr. Nur Azimah Binti Azman dari Pejabat Kesihatan Bahagian, Sibu sedang menyampaikan ceramah beliau berkenaan Covid-19.



Gambar 3 : Peserta mendaftar sebagai ahli baru Pustaka Negeri Sarawak, Sibu



Gambar 4 : Brosur dan pameran berkenaan Covid-19 juga turut disediakan.



AKTIVITI LITERASI MAKLUMAT BERSAMA JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI SIBU



Sibu – Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Sibu telah mengadakan jelajah Literasi Maklumat bersama Jabatan-jabatan Kerajaan di Sibu pada 26 Februari sehingga 5 Mac 2020. Program Literasi Maklumat ini adalah sebagai cara untuk melatih pengguna terutamanya penjawat awam tentang bagaimana memanfaatkan sepenuhnya pelbagai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di Pustaka Negeri Sarawak Sibu. Literasi Maklumat juga memberi kesedaran mengenai pangkalan data dalam talian disamping mendidik penjawat awam dan pengguna tentang cara menggunakan sumber dari dalam talian.

Seramai 61 orang penjawat awam daripada 4 Jabatan Kerajaan telah terlibat dalam program ini termasuk Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sibu, Jabatan Tanah dan Ukur Sibu, Jabatan Perpaduan Bahagian Sibu dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Sungai Merah Sibu.





PROMOSI KEAHLIAN

Sibu – Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Sibu telah mengadakan beberapa program Promosi Keahlian Baharu sepanjang bulan Februari dan Mac 2020. Promosi Keahlian telah diadakan dengan jayanya dan terhenti sebelum 18 Mac 2020 kerana pandemik Covid-19 yang telah melanda seluruh dunia. Antara lokasi untuk mempromosikan keahlian adalah seperti berikut:

14 - 16 FEBRUARI 2020

Rh. Pitre Ambit, Kg Drahman Keria dan Rh. Nyanggau, Sarikei



123 keahlian baharu

20 FEBRUARI 2020

UCTS, Sibu



51 keahlian baharu

9 - 13 MAC 2020

Kompleks Islam (Bersempena Jelajah Sektor Perkhidmatan Depositori)



50 keahlian baharu

15 - 16 FEBRUARI 2020

Perpustakaan Awam Majlis Perbandaran Sibu



259 keahlian baharu

3 MAC 2020

Perpustakaan Awam Majlis Perbandaran Sibu



24 keahlian baharu



Bengkel PANDei

Kuching - Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan telah mengadakan program bengkel PANDei sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2020.

- Bengkel ini telah dijalankan dengan jayanya di beberapa daerah dalam dan di luar Bahagian Kuching. Program PANDei terpaksa dihentikan kerana pandemik Covid-19 yang melanda.



Dewan Mesra, Simunjan (Samarahan) | 10 - 12 Januari 2020



Dewan Mesra, Pusa (Betong) | 7 - 9 Februari 2020



Perpustakaan Desa Pusa (Betong) | 10 Februari 2020




Dewan Johlical Rayong, Skim Skrang (Sri Aman) | 11 Februari 2020



BACA.REKA.CEMERLANG

FOUNTAIN OF
KNOWLEDGE




Rumah Panjai Petri Ambit (Sarikei) | 14 Februari 2020



Surau Drahman (Sarikei) | 15 Februari 2020



Rumah Panjai Nyaggau (Sarikei) | 16 Februari 2020



Kampung Sungai Midin (Kuching) | 22 Februari 2020



BACA.REKA.CEMERLANG

FOUNTAIN OF
KNOWLEDGE



Perpustakaan Desa Kampung Semerdang, Padawan (Kuching) | 7 Mac 2020



Perpustakaan Desa Kampung Giam Lama, Padawan (Kuching) | 7 Mac 2020



Dewan Masyarakat Serian | 12 Mac 2020